

**MENJEJAK HUBUNGAN DAULAH UTHMANIYAH & KESULTANAN MELAKA.** Oleh Hasanuddin Yusof. 2020. Negeri Sembilan: Penerbit Alami Sdn. Bhd. Halaman 244. ISBN 978-967-16795-3-7.

Sesebuah negara perlu mempunyai hubungan diplomatik dengan negara-negara besar untuk melindungi negara tersebut daripada ancaman musuh sama ada dari dalam maupun luar. Oleh itu, matlamat penerbitan buku berunsur epik sejarah ini adalah mahu menjejak hubungan diplomatik antara Kesultanan Melaka dengan Daulah Uthmaniyah Turki yang terjalin sejak ratusan yang lalu. Penulis memulakan penanya dengan memaparkan terlebih dahulu kehebatan Semenanjung Tanah Melayu yang berpusat di Kedah sebelum kebangkitan Melaka. Hubungan antara Kedah Tua dengan dunia luar (Parsi, Arab, Turki, Yunani) telah terjalin sejak sekian lama melalui hubungan perdagangan, agama, sosial dan kebudayaan.

Kepulauan Nusantara sememangnya kaya dengan hasil bumi yang subur. Antara bahan komoditi yang menjadi tarikan para pedagang ialah rempah ratus selain kedudukan Tanah Melayu yang strategik sebagai laluan perdagangan antarabangsa timur dan barat. Banyak catatan sejarawan dalam dan luar negara telah membuktikan bahawa hubungan di antara Turki dan Alam Melayu telah wujud sebelum kegemilangan Melaka. Antaranya, Ernest Small dalam bukunya *Culinary Herbs* menyatakan bahawa telah berlaku aktiviti perdagangan rempah yang melibatkan orang tempatan dengan pedagang-pedagang luar. Catatan John Crawford pula menyatakan sebelum orang-orang Eropah, pelayar-pelayar Melayu telah mula menggunakan kompas dalam pelayaran merentasi samudera. Ibnu Battutah juga mencatatkan ada penduduk tempatan yang fasih berbahasa Arab dan Turki. Selain berdagang, orang-orang Timur Tengah juga memainkan peranan menyebarkan syiar Islam terhadap para pemimpin dan penduduk tempatan.

Penulis mengaitkan kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka dengan pelabuhannya yang besar dan dipercayai terkaya di seluruh dunia. Para pedagang dari pelusok dunia bertumpu di Melaka. Bukti-bukti kegemilangan Melaka banyak dicatatkan oleh sejarawan luaran dan tempatan. Antaranya Tun Seri Lanang dalam Sulalatus Salatin, Tome Pires dalam *Suma Oriental* menyatakan bahawa Melaka dikenali sebagai pusat rempah ratus dan barang tersebut amat bernilai sekitar abad ke-15 hingga abad ke-16. Raja-raja dan pembesar-pembesar di Kepulauan Nusantara mengakui kehebatan Melaka setelah melawatnya. Setiap saudagar yang berdagang di Melaka diwajibkan membayar cukai kepada sultan Melaka. Kekayaan baginda sukar dihitungkan kerana terlalu banyak. Kedudukan Melaka yang begitu kukuh hingga mendorong sultan Melaka untuk enggan mengakui kekuasaan Raja Siam. Status Melaka sebagai pelabuhan antarabangsa telah menimbulkan perasaan iri hati dalam kalangan orang-orang Portugis dan mahu merampas Melaka. Pegawai-pegawai pelabuhan yang bijak telah memberi layanan yang sama rata dan adil kepada para pedagang Islam dan bukan Islam terutamanya lokasi berniaga, kadar cukai, dan kemudahan-kemudahan keperluan dalam perdagangan. Suasana perniagaan yang harmoni telah menarik perhatian para pedagang untuk datang membawa barangan mereka. Status Melaka sebagai sebuah pelabuhan yang terkenal, terkaya dan terpenting di dunia tentunya diketahui oleh Daulah Uthmaniyah maka sangat munasabah wujudnya hubungan dua hala yang erat lagi akrab.

Peranan Melaka sebagai pusat perdagangan komoditi rempah di Nusantara begitu meluas melibatkan Gujerat, Dhabol, Bengal, Coromandel, China, Ryukyu dan empayar Uthmaniyah

Turki. Pedagang-pedagang Turki mengambil manfaat daripada kepesatan perdagangan di Melaka. Komoditi utama Melaka ialah cengkik, bunga pala, biji pala, kayu cendana, mutiara, persolin, kemenyan, herba perubatan manakala komoditi luar pula ialah kain sutera, emas, timah, kain dewangga, bulu burung untuk perhiasan yang dibawa ke Melaka dengan kuantiti yang banyak. Urusniaga dilakukan bercorakan sistem barter. Kepentingan Melaka kepada Daulah Othmaniyah adalah mendapat bekalan rempah ratus dan barangan lain secara terus dari Pelabuhan Melaka. Namun, peranan Melaka sebagai pelabuhan antarabangsa berubah apabila Portugis menawan Melaka. Aktiviti perdagangan rempah antara pedagang-pedagang Islam Melaka dengan kerajaan Turki Uthmaniyah semakin merosot. Perniagaan mereka sudah tidak menguntungkan lagi.

Kegemilangan Islam begitu menyinar apabila Sultan Muhammad Al-Fatih berjaya membebaskan Kota Konstantinople pada 29 Mei 1453 daripada pemerintahan Rom. Penulis juga menceritakan kehebatan pemimpin Islam itu semasa peperangan untuk menawan kota tersebut. Kota Islam diisytiharkan sebagai Intanbul dan surat-surat diutus ke negara-negara Islam lain di seluruh dunia bagi memberitahu peristiwa bersejarah itu. Di Melaka, kemenangan tentera Islam itu berlaku di zaman Sultan Muzaffar Syah. Kesan keagungan politik, budaya, perdagangan Uthmaniyah Turki telah menjangkau ke Alam Melayu. Catatan Prof. Azyumardi Azra dalam bukunya, iaitu *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad 17 & 18*). Penyebaran peristiwa kemenangan Islam di Turki disambut gembira oleh penduduk di bumi Melaka. Mereka mengetahuinya melalui utusan surat dari Istanbul kepada sultan Melaka, pertemuan antara pedagang-pedagang Turki dengan orang tempatan, dan perbualan antara orang-orang Nusantara dengan orang-orang Turki yang menunaikan haji di Mekah. Ibadat haji di Mekah telah dilakukan oleh Sultan Mansur Syah bersama rakyat kebanyakan yang lain dengan membawa persiapan yang banyak. Kejayaan tentera Turki Uthmaniyah menewaskan tentera Rom telah memberi suntikan kepada kerajaan Melaka untuk bebas dari kekuasaan Siam dan menganggap Melaka setaraf dengan Siam. Keengganan sultan Melaka mengakui kekuasaan Siam telah menyebabkan Siam menghantar tenteranya ke Melaka. Namun kebijaksanaan Tun Perak dalam mengatur strategi perang menyebabkan tentera Siam berjaya dikalahkan dan terpaksa mengiktiraf pembebasan Melaka dari naungannya. Kedua-dua kejayaan tersebut menggambarkan kegemilangan pemerintahan Melaka dan Daulah Turki Uthmaniyah pada masa itu.

Sebenarnya hubungan diplomatik Melaka dengan negara-negara luar telah mula terjalin sejak zaman Parameswara lagi. Sultan Muzaffar Syah dikatakan banyak menerima surat dan hadiah daripada Raja Aden, Hormuz, Cambay dan Bengal melalui pedagang-pedagang yang berniaga di pelabuhan Melaka. Sultan-sultan Melaka didapati berfikiran terbuka, saling hormat menghormati dan mementingkan kedamaian telah menarik perhatian raja-raja asing untuk bersahabat dengan kerajaan Melaka. Hubungan Melaka ditingkatkan lagi dengan mengadakan hubungan diplomatik dengan negara-negara besar seperti Mamluk, Uthmaniyah, Gujerat, Calicut, Ryukyu, Mesir, dan Siam. Menurut Tomes Pires di zaman Sultan Mahmud Syah terdapat lebih kurang 84 buah bangsa asing yang berdagang di pelabuhan Melaka. Keakraban hubungan diplomatik antara Melaka dengan negara-negara asing bukan sahaja setakat bertukar-tukar hadiah malah melalui hubungan perkahwinan maka hubungan kedua-dua negara terpatery dan amat sukar dileraikan. Sultan Mansur Syah pernah berkahwin dengan puteri Majapahit bagi mengeratkan lagi hubungan diplomatik kedua-dua buah kerajaan.

Adalah mustahil kerajaan Melaka tidak menjalin hubungan diplomatik secara rasmi dengan Daulah Uthmaniyah Turki, sedangkan kedua-dua negara tersebut mengecapi era kegemilangan pada abad ke-15. Seterusnya, penulis menceritakan hubungan diplomatik secara rasmi kedua-dua buah negara dengan lebih terperinci. Catatan dalam Hikayat Hang Tuah ada menceritakan bahawa Hang Tuah bersama-sama Maharaja Setia telah diutuskan sebagai duta Melaka ke Daulah Uthmaniyah. Tujuan utusan Melaka ke sana bukan sahaja menjalinkan hubungan diplomatik tetapi untuk membeli meriam bersama pelurunya sekali bagi kegunaan pertahanan dalam negeri Melaka dari serangan musuh. Pemergian duta khas Melaka ke Turki menggunakan kapal khas, iaitu Mendam Berahi. Satu-satunya kapal rasmi kerajaan Melaka yang canggih dan berteknologi tinggi serta boleh bergerak laju. Walaupun tiada bukti kukuh yang boleh mengesahkan hubungan tersebut, penulis mengemukakan persoalan penting adalah mustahil kerajaan Uthmaniyah yang memiliki senjata (meriam) berteknologi tinggi tidak diambil kisah oleh kerajaan Melaka dan dalam waktu yang sama juga ramai pedagang Turki berniaga di pelabuhan Melaka. Walaupun ada sarjana mempertikaikan ketepatan fakta pengutusan duta Melaka dalam Hikayat Hang Tuah, namun penulis berupaya menyakinkan pembaca buku ini apabila beliau membuat perbandingan fakta lain yang sahih telah terdapat persamaan fakta dalam Hikayat Hang Tuah dengan Sulalatus Salatin. Contohnya, perkahwinan Sultan Mansur Syah dengan puteri Majapahit, pembawaan Tun Teja ke Melaka, dan serangan Portugis ke atas Melaka. Sesuatu fakta sejarah itu ada ketikanya dikritik kerana tiada bukti kukuh namun dalam buku ini penulis mengemukakan hujah bahawa kritikan boleh dibuktikan sekiranya ada bukti terkini. Contohnya, hubungan Melaka dengan kerajaan Ryukyu (Jepun) telah dibuktikan apabila sebilah keris dan beberapa gulung surat rasmi hubungan dua hala ditemui di Kuil Enkakuji, Jepun. Jalinan hubungan diplomatik antara kerajaan Melaka dengan dunia luar terutamanya Daulah Uthmaniyah mencapai kemuncaknya ketika zaman pemerintahan Sultan mansur Syah (1459-1477) dan Sultan Alauddin Syah (1477-1488).

Walaupun tiada sebarang bukti yang jelas berdasarkan artifak sejarah untuk membuktikan hubungan diplomatik kedua-dua kerajaan secara rasmi tetapi penulis berjaya menyakinkan pembaca berdasarkan pendapat beberapa orang tokoh sejarah. Tome Pires menyatakan pada abad ke-15 dan ke-16 ramai pedagang Parsi, Bengal dan dari Arab datang untuk membeli rempah ratus. Mereka diberi kemudahan yang lengkap seperti tempat tinggal, masjid untuk beribadat. Ramai pedagang asing menjadi kaya setelah berniaga di pelabuhan Melaka. Seorang tokoh agama Indonesia pernah menyatakan seorang ulama dari Parsi telah dilantik menjadi mufti Melaka semasa pemerintahan Sultan Muhammad Iskandar Syah dan pada waktu itu Melaka di bawah naungan Khalifah Muhammad 1 yang memerintah Turki Uthmaniyah. Seterusnya, penulis Turki iaitu, Zafer Ozcan menerusi bukunya (Intizar Ozcan) menyatakan pernah terjadi hubungan langsung antara Sultan Mansur Syah dengan Sultan Muhammad Al-Fatih yang berjaya menakluki Konstantinopel ingin menguasai perdagangan rempah di Timur Tengah dan Eropah. Penulis mengukuhkan lagi pendapatnya berdasarkan Zafer Ozcan bahawa hubungan dua negara itu dilakukan melalui ikatan perkahwinan. Sultan Alauddin Riayat Syah telah berkahwin dengan puteri Sultan Muhammad al-Fatih agar hubungan menjadi lebih erat. Pengukuhan tidak hanya berdasarkan pendapat tokoh-tokoh silam tetapi penulis menunjukkan artifak lembaran salasilah yang mengaitkan hubungan sultan-sultan Melaka dan sultan-sultan Uthmaniyah yang ditemui SOAS, Universiti London.

Adalah tidak adil jika setiap bab dalam buku ini hanya menumpukan hubungan diplomasi antara Melaka dengan Daulah Uthmaniyah Turki, sebaliknya penulis turut menceritakan peristiwa-peristiwa penting sebelum penaklukan Melaka, iaitu konflik Uthmaniyah dengan Portugis. Selepas Sultan Muhammad al-Fatih berjaya membebaskan Kota Konstaninopal, baginda terus mara ke Itali. Kejayaan tentera Islam menimbulkan kebimbangan, kebencian dan menyimpan perasaan dendam Kristian terhadap pemerintah Islam. Oleh itu, Pop Sixtus IV (1481) mengutus surat kepada raja-raja Eropah agar bersatu bagi melancar Perang Salib untuk menyekat tentera Turki Uthmaniyah. Pada waktu itu orang-orang Eropah baru sahaja keluar dari zaman kegelapan. Mereka menimba ilmu pengetahuan dalam bidang ketenteraan, ilmu pelayaran dan samudera daripada cendekiawan-cendekiawan Islam yang berpusat di Cordoba. Perang Salib bukan sahaja untuk menyekat pengaruh Islam merebak di benua Eropah malah mahu menguasai laluan perdagangan antarabangsa bagi merampas perdagangan rempah yang banyak memberi manfaat ekonomi negara-negara Islam.

Tentera Kristian berjaya menguasai Granada pada 1492. Kejatuhan pusat pemerintahan Islam itu memberi peluang yang seluas-luasnya untuk Portugis menguasai jalur perdagangan antarabangsa dan pelabuhan-pelabuhan penting (Goa, Calicut, Gujerat) sebelum menyerang pelabuhan Melaka. Tokoh pelayaran Portugis, iaitu Vasco de Gama telah berjaya menemui jalan pelayaran di Lautan Hindi untuk ke Timur hasil bantuan nakhoda Islam. Kehadiran Portugis ke Lautan Hindi dicurigai oleh pedagang-pedagang Islam. Tujuan sebenar kedatangan Vasco de Gama adalah untuk mengusir pedagang-pedagang Islam dari pelabuhan-pelabuhan India dan menyebarkan ajaran Kristian. Kemenangan peperangan di India membolehkan tentera Portugis melakukan kekejaman dan seksaan terhadap orang Islam. Kapal-kapal milik orang Islam dibakar, harta benda dirampas, mereka yang menentang diseksa dan dibunuh. Tentera melakukan polisi "*Portuguese Inquisition*", iaitu menghapuskan ciri-ciri Islam. Atas nama Islam maka terjalinlah satu perikatan tentera antara kerajaan Calicut, Mamluk, Bijapur, Gujerat dan Uthmaniyah Turki. Hasilnya, dalam Perang Chaul, mereka berjaya menghancurkan tentera Portugis. Namun demikian, tentera Islam mengalami kekalahan disebabkan teknologi senjata Portugis jauh lebih moden berbanding tentera Islam. Apabila Alfonso de Albuquerque dilantik sebagai gabenor India. Selepas itu, satu delegasi yang diketuai oleh Diego Lopez de Sequeira bersama 10 orang pengiring berjumpa sultan Melaka. Utusan tersebut meminta kebenaran untuk mendirikan gudang-gudang perniagaan tetapi ditolak kerana sultan Melaka telah menghidu bahawa niat sebenar Portugis adalah untuk mengintip kekuatan pertahanan Melaka dan seterusnya menakluknya.

Kedatangan Portugis ke Melaka tidak disenangi oleh pedagang-pedagang Islam dan penduduk tempatan. Mereka melakukan perkara-perkara yang bertentang dengan agama Islam dan adat Melayu. Lantaran itu, pemimpin Melaka menangkap dan memenjarakan orang-orang Portugis itu. Walau bagaimanapun Diego Lopez berjaya melarikan diri ke Goa. Permintaan Portugis untuk menjalinkan hubungan diplomatik secara baik dengan Melaka telah ditolak dan tindakan kerajaan Melaka itu telah menimbulkan kemarahan yang mendorong penyerangan Melaka pada 1511. Serangan dilakukan sebanyak dua kali telah memusnahkan pertahanan Melaka. Di pihak Melaka, pedagang-pedagang Islam dari Arab, Parsi, India, dan Turki Uthmaniyah telah bergabung membantu tentera Melaka. Catatan Fernao Lopes De Castanheda ada menyatakan bahawa terdapat sokongan tentera luar termasuk Turki yang memakai baju besi semasa menentang tentera Portugis. Mereka dikatakan berjuang bersungguh-sungguh melawan tentera Portugis atas semangat jihad.

Sultan Uthmaniyah telah mengutuskan armada lautnya membantu tentera Melaka ketika Portugis menyerang Kota Melaka. Kesan peperangan telah meninggalkan banyak senjata pemusnah seperti meriam. Senjata yang digunakan oleh tentera Melaka dikatakan berasal dari Calicut yang disumbangkan oleh tentera Turki semasa menyertai pakatan menentang Portugis di Goa. Ini membuktikan wujud kerjasama ketenteraan antara kedua-dua buah negara.

Penguasaan Portugis ke atas Melaka tidak banyak membawa kemajuan perdagangan di rantau Nusantara malahan banyak kemerosotan perdagangan. Sehubungan itu, pedagang-pedagang tersebut telah memindahkan perniagaannya ke Aceh. Sumbangan mereka telah mengangkat Aceh sebagai kuasa Islam yang baharu mengganti pelabuhan Melaka. Kesultanan Aceh mencapai kegemilangan Islam semasa pemerintahan Sultan Ali Mughayat Syah pada 1514. Kebangkitan Aceh sebagai pusat perdagangan di rantau Nusantara memberi cabaran besar kepada Portugis. Daulah Uthmaniyah bersama kerajaan-kerajaan Islam di Kepulauan Melayu berusaha keras mahu mengusir Portugis dari Melaka kerana Portugis didapati bertindak kejam ke atas penduduk tempatan dan pedagang-pedagang Islam serta menyebarkan ajaran Kristian yang nyata bertentangan dengan Islam. Lantas untuk mengekang pengaruh Kristian itu, pada 1519 Daulah Uthmaniyah telah menggerakkan armada lautnya ke Melaka. Portugis kini menghadapi tekanan dari pelbagai negara (Aceh, Johor dan Daulah Uthmaniyah Turki). Sultan Ali Mughayat Syah dan sultan-sultan selepas kewafatan baginda tidak berdiam diri tetapi melakukan beberapa kali serangan besar-besaran ke atas Portugis di Melaka. Sultan-sultan Aceh bertindak mengeratkan hubungan diplomatik dengan Daulah Uthmaniyah untuk meminta bantuan ketenteraan dan kepakaran bagi memerangi Portugis di Melaka. Kemuncak kejayaan tentera Aceh ialah mengepung Kota A Famosa selama-lama berbulan-bulan dan berjaya membunuh panglima Portugis, iaitu Diego Lopez. Kekuatan Aceh sebenarnya disebabkan sumbangan Daulah Uthmaniyah Turki dari segi kepakaran ketenteraan, penggunaan meriam yang lebih moden yang memberi kesan kemusnahan besar ke atas kubu-kubu Portugis.

Pegawai-pegawai Turki telah melatih dan memberi tunjuk ajar kepada tentera Aceh cara-cara membuat meriam, dan strategi-strategi melawan musuh. Walaupun gagal, menawan Kota Melaka sepenuhnya akibat pembelotan dalaman dan sikap kerajaan Johor dan Pahang yang enggan bersama-sama menentang pihak Portugis. Portugis pula telah mengalami kerugian yang sangat besar sehingga hampir-hampir bankrap dan akhirnya tidak lagi menjadi kuasa besar di rantau Kepulauan Melayu. Kekuasaan Portugis berakhir pada 1641 apabila diserang oleh gabungan tentera Johor dan Belanda. Johor dengan rela hati menyerahkan Melaka kepada Belanda kerana Melaka bukan lagi strategik sebagai pusat perdagangan antarabangsa yang menguntungkan. Pengaruh Daulah Uthmaniyah Turki semakin berkembang bukan sahaja di Melaka dan Aceh bahkan meliputi Johor, Pulau Jawa, Brunei, Kemboja, Filipina, Kedah, dan Terengganu. Pengaruhnya meliputi bidang pertahanan, sistem pemerintahan, pendidikan, sosial dan cara pemikiran berlandaskan Islam. Kerajaan Turki juga memberi peluang kepada para pelajar tempatan meneruskan pengajian Islam di universiti-universiti Turki dan yuran pengajian ditanggung oleh kerajaan Turki sendiri. Ramai ulamak Nusantara ditawarkan menjadi Iman Besar Masjidil Haram di Mekah pada waktu itu.

Kesimpulannya, hubungan diplomatik Daulah Uthmaniyah Turki di Kepulauan Melayu sebenarnya sudah bermula sebelum kegemilangan Melaka. Hubungan tersebut semakin kukuh

apabila Melaka semakin berkembang sebagai pusat perdagangan dunia. Walaupun berlaku kejatuhan Melaka tetapi pengaruh Uthmaniyah Turki tidak pernah merosot malah semakin meresap ke dalam sistem pemerintahan Melayu terutama Aceh, Johor, Jawa, Brunei dan negeri-negeri Islam yang lain. Situasi berbeza ke atas Portugis di Melaka, pengaruhnya kian merosot dan akhirnya tewas di tangan Belanda. Kemudiannya Melaka berpindah ke tangan Inggeris tetapi pengaruh Daulah Uthmaniyah Turki tidak pernah luntur malah semakin berkembang ke dalam sistem pemerintahan negara-negara Islam. Walaupun kekuasaan Daulah Uthmaniyah Turki sudah tiada di bumi Turki tetapi sumbangannya dari segi ilmu pengetahuan, kepakaran, sistem pentadbirannya yang berlandaskan Al-Quran dan sunah-sunah Rasulullah SAW kekal terus dipraktikkan oleh negara-negara Islam khususnya di Asia Tenggara hingga ke hari ini.

**Mohd Helmi bin Pangat (PhD)**

Kementerian Pendidikan Malaysia.